

Ismail Sabri dijangka
hadir semula untuk sambung
keterangan kali kelapan hari ini.



Kes rasuah dan pengubahan wang haram

BERITA HARIAN

07 MAY 2025

mk: 18

Ismail Sabri sambung beri keterangan hari ini

Kuala Lumpur: Perdana Menteri Kesembilan, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob dijangka hadir semula untuk menyambung keterangan kali kelapan hari ini.

BH difahamkan, Ahli Parlimen Bera itu dikatakan sepatutnya hadir memberi keterangan semalam, namun ia ditangguhkan ke hari seterusnya.

Difahamkan, proses menyambung keterangan itu masih berlaku kerana terdapat pelbagai dokumen yang perlu disahkan beliau.

“Pegawai penyiasat akan merakam keterangannya pagi esok (hari ini),” kata sumber kepada BH, di sini semalam.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki, sebelum ini dilaporkan berkata, siasatan SPRM terhadap kes rasuah dan pengu-

bahan wang haram membabitkan Ismail Sabri, dianggarkan baru sekitar 15 hingga 20 peratus.

Beliau berkata, sesi mengambil keterangan daripada Ismail Sabri, dijangka disambung semula oleh pegawai penyiasat suruhanjaya tidak lama lagi.

Kali terakhir beliau dipanggil untuk tampil ke pejabat SPRM pada 24 April lalu, bagi proses soal siasat dan memberi keterangan lanjut buat kali ketujuh bagi tujuan pengisytiharan harta kepada pegawai penyiasat SPRM.

Sebelum ini, beliau juga hadir ke Ibu Pejabat SPRM bagi membuat pengisytiharan harta kepada pegawai penyiasat.

Ismail Sabri berdepan siasatan berhubung isu rasuah serta pengubahan wang haram membabit-

kan perbelanjaan dan perolehan dana untuk promosi serta publisiti program yang dijalankan kerajaan.

Pada 3 Mac lalu, Azam mendedahkan Ismail Sabri adalah suspek dalam siasatan kes rasuah serta pengubahan wang haram, susulan penemuan wang tunai kira-kira RM177 juta dalam pelbagai mata wang dan 16 kilogram jongkong emas di sebuah premis dijadikan tempat simpanan.

Dakwaan salah laku itu dibuat semasa tempoh perkhidmatan beliau dari Ogos 2021 hingga November 2022.

Kes disiasat mengikut Akta SPRM 2009 serta Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001.